



# eBULLETIN

JABATAN ALAM SEKITAR

BIL. 4/2021

OKTOBER - DISEMBER

E - ISSN 2710-5644



SAMBUTAN  
HARI ALAM SEKITAR  
NEGARA PERINGKAT  
KEBANGSAAN 2021  
...secara maya...

**HARI ALAM SEKITAR NEGARA**  
*Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama*  
21 OKTOBER 2021 | 9.00 PAGI  
Jabatan Alam Sekitar

YAB DATO SERI AMIRUDIN  
BIN SHARI  
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

YB DATO SRI TUAN IBRAHIM  
BIN TUAN MAN  
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



## Kumpulan Editorial



**PENASIHAT**  
Dr. Norhazni  
binti Mat Sari



**KETUA EDITOR**  
Zuraini binti  
Ahmad Tajudin



**TIMBALAN  
KETUA EDITOR**  
Abu Bakar bin  
Tajuddin



**EDITOR**  
Ir. Shazana binti  
Mohd Ibrahim



**PENOLONG  
EDITOR**  
Zainirul Ailis binti  
Hj. Mustafa



# ISI KANDUNGAN

## PRAKATA KETUA PENGARAH JAS

3

### OKTOBER 2021

PENGLIBATAN SEKSYEN EHS, BAHAGIAN BAHAN BERBAHAYA DI DALAM SEMINAR DAN BENGKEL BERKAITAN BAHAN KIMIA	4 - 6
PROGRAM LATIH AMAL PENGURUSAN BENCANA MARITIM: TUMPAHAN MINYAK PERINGKAT KEBANGSAAN	7 - 8
LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR KE IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR	9
HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT KASA	10
PROGRAM PENANANAM POKOK KERJASAMA JAS-MARDI	11 - 12
PENGHARGAAN MALAM PUISI ALAM SEKITAR	13
PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (DSK) BERTEMPAT DI SUNGAI LINGGI, KAMPUNG KUALA SAWAH, NEGERI SEMBILAN	14 - 15
KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR KE ATAS KETUA PENGARAH PENDIDIKAN	16
MESYUARAT TAHUNAN PERINGKAT ASEAN IAITU 16th MEETING OF THE COMMITTEE UNDER THE CONFERENCE OF THE PARTIES TO THE ASEAN AGREEMENT ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (COM-16)	17
MAJLIS PERASMIAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2021 PERINGKAT KEBANGSAAN SECARA ATAS TALIAN "ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"	18
PROGRAM PLASTIC BUSTERS (KEMPEN HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA)	19
LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR KE PULAU PINANG	20 - 21
MESYUARAT KE-12 PARTI-PARTI KEPADA KONVENSyen VIENNA BAGI PERLINDUNGAN LAPISAN OZONE, BAHAGIAN II DAN MESYUARAT KE-33 PARTI-PARTI KEPADA PROTOKOL MONTREAL BAGI BAHAN-BAHAN PEMUSNAH LAPISAN OZON (COP12 (II)/MOP33)	22
BENGKEL DAN MESYUARAT PENGURUSAN SISA PLASTIK DI BAWAH KONVENSyen BASEL	23 - 24

### NOVEMBER 2021

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA (COP) KALI KE 4 BERKENAAN KONVENSyen MINAMATA BERKAITAN MERKURI	25
MESYUARAT PENYELARASAN ADUAN JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2021	26 - 27
LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI 1 KE IBU PEJABAT JAS	28
PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR	29
LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA KE PAHANG	30
PROGRAM PAMERAN ALAM SEKITAR, PLASTIC BUSTERS DAN PENGUMPULAN EWASTE SEMPENA HARI KARNIVAL KELUARGA	35
SEMINAR PERUNDANGAN UDARA BERSIH KE ARAH LANGIT BIRU	36
PROGRAM KEMUNCAK PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE): JOM E-WASTE FIESTA	37

### DISEMBER 2021

PROGRAM PAMERAN RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) DI BOOTH KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA) DAN KEMPEN PENAMBAHAN KEAHLIAN RAS SEMPENA PROGRAM 100 HARI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA	38 - 39
PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI (BEACH CLEAN-UP) USAHA SAMA JAS-TNB	40 - 42

### OPERASI

WEBINAR ONLINE BERSAMA YBHG. DATUK PROF. DR. ROHAIZAT YON (MANTAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PERUBATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BERTAJUK : COVID-19 - PERANG BELUM BERAKHIR	31 - 34
---	---------

### HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS

37 - 38

# PRAKATA

## KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR



Izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat terutama barisan editorial kerana telah berjaya menerbitkan 4 siri e-Buletin Jabatan Alam Sekitar pada setiap suku tahunan dalam tahun 2021.

Penerbitan e-Buletin ini telah menterjemahkan kepada semua pihak iltizam dan kesungguhan JAS dalam melaksanakan pelbagai program, aktiviti di samping menjalankan amanah mentadbir Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Tugas-tugas hakiki, penguatkuasaan, pembangunan, pengawasan dan urus tadbir telah dilaksana dengan penuh berhemah.

Saya percaya, tahun 2022 akan memberikan penuh cabaran kepada warga JAS untuk terus menunjukkan komitmen yang tinggi demi kelestarian alam sekitar. Insya-Allah, alam sekitar akan kita jaga dan saya menyeru supaya segenap lapisan masyarakat bersama-sama berganding bahu demi satu kata kunci, Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama.

Akhir kata, semoga e-Buletin edisi 2022 nanti akan mengenengahkan pelbagai skop dan bidang tugas-tugas JAS di samping melaporkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan.

Selamat maju jaya.

*"Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"*

**WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**

**Ketua Pengarah Alam Sekitar**





### PENGLIBATAN SEKSYEN EHS, BAHAGIAN BAHAN BERBAHAYA DI DALAM SEMINAR DAN BENGKEL BERKAITAN BAHAN KIMIA

Seksyen EHS, Bahagian Bahan Berbahaya, JAS telah terlibat di dalam beberapa siri bengkel dan seminar di dalam dan luar negara sepanjang tempoh Oktober sehingga Disember tahun 2021.

- **Workshop on Sound Chemicals Management in Asia**

Antara bengkel dan persidangan yang telah dihadiri oleh Seksyen EHS termasuklah *Workshop on Sound Chemicals Management in Asia* yang telah diadakan pada 12 November 2021 anjuran *The Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*, yang melibatkan peserta daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Bahagian Bahan Berbahaya, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pertanian Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia keseluruhannya seramai 20 orang. Di dalam bengkel ini, para peserta telah didedahkan dengan kaedah-kaedah analisa penilaian risiko (*risk assessment analysis*) yang terkini serta isu-isu pengurusan bahan kimia dengan mengambil contoh negara-negara lain.



- **ASEAN Regulatory Cooperation Project Workshop**

Selain itu, Seksyen EHS juga telah terlibat di dalam *ASEAN Regulatory Cooperation Project Workshop* yang diadakan pada 15 dan 16 November 2021 secara hibrid bersama lebih 154 orang peserta di kalangan negara-negara ASEAN. Bengkel ini secara dasarnya melibatkan *Chemical Safety Management* di antara negara-negara ASEAN dan juga berkaitan *Globally Harmonized System (GHS)* di dalam mengawal bahan kimia berbahaya. Malaysia diwakili oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Bahagian Bahan Berbahaya, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia serta wakil-wakil pihak industri melalui *Chemical Industry Council of Malaysia (CICM)*.

- **10th Analysis Training of POPs for the EAC**

Wakil Seksyen EHS juga telah menghadiri webinar *10th Analysis Training of POPs for the EAC* anjuran *National Institute of Environmental Research, Ministry of Environment (NIER), Republic of Korea* yang diadakan secara dalam talian pada 26 dan 27 Oktober 2021. Webinar ini secara dasarnya adalah berkaitan dengan perkongsian pengurusan bahan kimia oleh *National Institute of Environmental Research* dan teknologi-teknologi baharu yang diperkenalkan kepada negara-negara ASEAN.




### • Webinar Anjuran JAS dan Malaysia Productivity Corporation (MPC)

Seksyen EHS telah menjadi urusetia kepada tujuh siri webinar anjuran JAS bersama MPC sejak Mei hingga November 2021. Siri webinar yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TAJUK WEBINAR	TARIKH	JUMLAH PENDAFTARAN PESERTA
1.	KESEDARAN DAN KOMITMEN KITA TERHADAP ALAM SEKITAR Penceramah : Bahagian Komunikasi Strategik Moderator : KPPK Thahirah Kamarulzaman (Bahagian Bahan Berbahaya)	28 Jun 2021	655
2.	JOM KITA BERKENALAN DENGAN AKAS 1974! Penceramah : PKK Rojiah Abu Bakar (Bahagian Penguatkuasa) Moderator : KPP Mazriah Ayu Abu Bakar (Bahagian Bahan Berbahaya)	6 Julai 2021	381
3.	BAGAIMANA ANDA PERLU MENGURUSKAN BUANGAN TERJADUAL? Penceramah : PKK Noorazamimah Aiza Azman (Bahagian Bahan Berbahaya) Moderator : KPPK Thahirah Kamarulzaman (Bahagian Bahan Berbahaya)	15 Julai 2021	1,323
4.	SISTEM PENJEJAKAN BUANGAN TERJADUAL Penceramah : KPP Shafariza Shamsudin (Bahagian Bahan Berbahaya) Moderator : KPP Norhisham Abdul Hamid (Bahagian Bahan Berbahaya)	9 Ogos 2021	1,035
5.	KEPERLUAN ORANG YANG BERWIBAWA (OYB) DALAM PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL Penceramah : KPP Zaidi Mohamed @ Awang (EiMAS) Moderator : KPP Mazriah Ayu Abu Bakar (Bahagian Bahan Berbahaya)	16 Ogos 2021	835
6.	PEMATUHAN TERHADAP KEHENDAK PERUNDANGAN DALAM PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL Penceramah : PKK Noorazamimah Aiza Azman (Bahagian Bahan Berbahaya) Moderator : KPP Mohd Shahrin Bin Mudzarap @ Mansor (Bahagian Bahan Berbahaya)	1 November 2021	600
7.	PELAKSANAAN PRINSIP 4R Penceramah : PKK Nur Mizhuari Abdul Samat (Bahagian Bahan Berbahaya) Moderator : KPPK Thahirah Kamarulzaman (Bahagian Bahan Berbahaya)	3 November 2021	400



Kerjasama JAS dengan pihak industri melalui MPC dilihat amat berkesan di dalam penyebaran maklumat-maklumat berkaitan pengurusan bahan berbahaya di Malaysia sekaligus meningkatkan pengetahuan pihak industri mengenai perundangan dan polisi Kerajaan berkaitan bahan berbahaya di Malaysia.





### PROGRAM LATIH AMAL PENGURUSAN BENCANA MARITIM: TUMPAHAN MINYAK PERINGKAT KEBANGSAAN

5 dan 6 Oktober 2021, Putrajaya - Program Latih Amal Pengurusan Bencana Maritim : Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 yang dirasmikan oleh Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar. Program anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) ini dilaksanakan secara hibrid iaitu kombinasi latihan secara fizikal dan secara maya.

Objektif program ini dilaksanakan adalah untuk:

- i. Menguji kesediaan dan kemampuan tindak balas semua pihak yang terlibat dalam menangani insiden tumpahan minyak bermula daripada Peringkat Pertama (Tier 1) iaitu tindak balas di pelabuhan/terminal/ pemunya punca tumpahan minyak, Peringkat Kedua (Tier 2) dan pembersihan pantai iaitu tindak balas peringkat negeri dan Peringkat Ketiga (Tier 3) iaitu tindak balas peringkat serantau (regional) yang melibatkan tumpahan melangkaui sempadan negara;
- ii. Menguji penyelarasan, kesediaan dan sistem perhubungan Jawatankuasa Operasi Kebangsaan (*National Operation Committee, NOC*), Jawatankuasa Operasi Negeri (*State Operation Committee, SOC*) dan Jawatankuasa Pembersihan Pantai di Peringkat Negeri; dan
- iii. Memperkukuh kerjasama semua agensi yang terlibat bagi memastikan keberkesanan tindak balas kawalan tumpahan minyak.

Selain daripada penglibatan agensi di peringkat kebangsaan, untuk Tier 3, latih amal ini juga melibatkan negara ahli kepada *Revolving Fund Committee (RFC)*, iaitu Indonesia dan Singapura.




JAS merupakan agensi peneraju bagi pengurusan bencana maritim yang melibatkan insiden tumpahan minyak di perairan Malaysia. Ini merujuk kepada Rancangan Kontigensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) yang telah dijenamakan semula sebagai Pelan Kontigensi Tumpahan Minyak Malaysia (*Malaysia Oil Spill Contingency Plan, MOSCoP*) dan seperti dinyatakan dalam Arahan 20, Majlis Keselamatan Negara (MKN). Oleh yang demikian, JAS akan sentiasa melaksanakan latih amal yang melibatkan agensi-agensi utama kerajaan dan swasta yang menjadi ahli kepada Jawatankuasa Operasi Kebangsaan (*National Operation Committee, NOC*) dan Jawatankuasa Operasi Negeri (*State Operation Committee, SOC*).



JAS berharap melalui latihan ini, kecekapan, komunikasi, koordinasi dan kesiapsiagaan kakitangan setiap agensi yang terlibat dapat ditambahbaik dalam usaha untuk mengawal kes-kes pencemaran laut di perairan negara. Di samping itu, diharapkan program ini juga akan dapat mengenalpasti ruang untuk penambahbaikan serta meningkatkan tahap kepakaran kakitangan setiap agensi dalam mengawal tumpahan minyak secara efektif dan efisien samada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa.

JAS juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi kerajaan dan swasta iaitu Agensi Pengurusan Bencana Negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Laut Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia dan lain-lain agensi kerajaan. Manakala wakil-wakil agensi-agensi swasta terlibat adalah *PETRONAS Group HSSE* dan *Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group (PIMMAG)*, MISC Berhad dan anak syarikatnya Eaglestar Marine Holdings. Semoga kerjasama dan sokongan padu ini diteruskan di masa hadapan.



## LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR KE IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR

8 Oktober 2021, Putrajaya – YB Dato' Mansor bin Haji Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mengadakan lawatan kerja ke ibu pejabat JAS Putrajaya.

Dalam sesi pengenalan ini, En Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar telah membentangkan perkara-perkara berkaitan pengurusan pencemaran alam sekitar dan hala tuju JAS serta memaklumkan berkaitan inisiatif JAS dalam melestarikan alam sekitar melalui program pemerkasaan penguatkuasaan dan Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) JAS.



### HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT KASA

9 Oktober 2021 - YB Dato' Mansor bin Haji Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menyempurnakan Hari Sukan Negara Peringkat KASA. Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang, Ketua Setiausaha KASA dan YBhg Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan, Timbalan Ketua Setiausaha KASA (Alam Sekitar), En Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar serta wakil jabatan dan agensi di bawah KASA. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah acara berbasikal, senamrobik dan badminton. Ahli-ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) juga turut serta dalam program ini. Kekalkan gaya hidup sihat dengan bersukan dan menjaga SOP.





### PROGRAM PENANANAM POKOK KERJASAMA JAS-MARDI DI IBU PEJABAT MARDI, SERDANG PADA 11 OKTOBER 2021

Bermula tahun 2021, Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan Program Penghijauan Malaysia : Kempen Penanaman 100 Juta Pokok (2021-2025) di JAS Ibu Pejabat, Negeri dan Pejabat Cawangan bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Tahun 2021. Program ini adalah merupakan aktiviti kesukarelawan alam sekitar JAS sebagai menyahut seruan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang telah dirasmikan oleh mantan YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin pada 5 Januari 2021 anjuran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Bagi tujuan pelaksanaan di JAS, mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) pada bulan Mei 2021 telah mencadangkan supaya JAS memberikan sumbangan kepada kempen ini dengan menanam sebanyak 150,000 pokok berdasarkan kepada bilangan ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) yang telah berdaftar. Oleh yang demikian, JAS bercadang untuk menggunakan nama '1 RAS 1 Pokok' sebagai *signature name* kepada program ini.

Pelaksanaan program '1 RAS 1 Pokok' ini bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup, selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara. Program ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok ke atas setiap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.

Pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh negara di bawah RMKe-12 telah dimaklumkan oleh mantan YAB Perdana Menteri semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-77 pada 8 September 2020. Pelancaran kempen ini telah dilaksanakan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021.





Program ini dilaksanakan bagi tujuan untuk mencapai objektif kempen ini seperti berikut:-

- mengekalkan kawasan hijau di seluruh negara selain memelihara serta memulihara kawasan berhutan;
- meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pokok dan kawasan berhutan serta memupuk semangat cintakan alam sekeliling;
- merakyatkan komitmen dan semangat pengekalan kawasan litupan hijau sebagai satu agenda nasional;
- memastikan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan kawasan berhutan dan pokok-pokok dapat dicapai; dan
- menggalakkan penyertaan agensi kerajaan persekutuan/negeri, syarikat swasta dan badan korporat, badan bukan kerajaan, institusi-insituti pendidikan/penyelidikan dan orang awam dalam usaha penanaman pokok.



Pada 11 Oktober 2021, JAS telah membuat lawatan ke Ibu Pejabat MARDI, Serdang bagi mempromosikan Program '1 Rakan Alam Sekitar (RAS) 1 Pokok' sempena Program Penghijauan Malaysia: Kempen 100 Juta Pokok (2021-2025) anjuran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Deligasi JAS diketuai oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS. Turut hadir ialah Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS, Puan Zuraini binti Ahmad Tajudin beserta lapan (8) orang pegawai.

Deligasi JAS disambut oleh Ketua Pengarah MARDI, Dato' Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Operasi), Tuan Haji Tapsir bin Serin.

Lawatan bertempat di BBShoppe MARDI turut diserikan dengan demo cantuman pokok. Kemuncak program ialah aktiviti menanam pokok kopi liberica klon MARDI, MKL 5, 6 dan 7 oleh Timbalan Ketua Pengarah JAS, Ketua Pengarah MARDI dan Timbalan Ketua Pengarah MARDI dan tiga (3) pegawai JAS.



### PENGHARGAAN MALAM PUISI ALAM SEKITAR

15 Oktober, 2021, Putrajaya - Jabatan Alam Sekitar mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pemuisi-pemuisi jemputan yang sudi mendeklamasikan puisi semasa Majlis Deklamasi Puisi Alam Sekitar sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2021 semalam:

- ❖ Datuk Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air.
- ❖ SN Prof. Emeritus Dr Muhammad Hj. Salleh, Sasterawan Negara.
- ❖ Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.
- ❖ Dr. Abang Patdeli bin Abang Muhi, Pengarah, Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- ❖ Puan Siti Zaleha binti Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Alam Sekitar.
- ❖ Puan Nur Merlynda Lee binti Jipa, Wakil Kastam.
- ❖ Dr. Saleeh Rahamad, Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA)
- ❖ Dr Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Jabatan Alam Sekitar.
- ❖ Encik Jamalulail bin Abu Bakar, Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar KASA.
- ❖ Puan Syarifah Zakiah Syed Sahab, Pengarah JAS Pulau Pinang.
- ❖ Puan Zuraini Siam, Ketua Penolong Pengarah, JAS Ibu Pejabat.



## **PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (DSK) BERTEMPAT DI SUNGAI LINGGI, KAMPUNG KUALA SAWAH, NEGERI SEMBILAN**

16 Oktober 2021 - Program DSK bertempat di Sungai Linggi, Kampung Kuala Sawah, Negeri Sembilan. Program ini adalah bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2021.

Program ini telah bermula seawal jam 7.30 pagi dan dihadiri oleh YBrs. Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia En. Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Dr Norhazni binti Mat Sari, Pengerusi MPKK Kuala Sawah, CEO PSTW, Rakan-rakan Strategik Alam Sekitar seperti Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Cheme Advance Sdn Bhd, SWCorp dan SWM Environment, KJM Aluminium, pegawai-pegawai JAS Ibupejabat dan JAS Negeri Sembilan serta penduduk-penduduk kampung tersebut.



Objektif program ini adalah bertujuan untuk mendekatkan Rakan Alam Sekitar dengan komuniti setempat dalam menjayakan sesuatu aktiviti bersifat kelestarian alam sekitar serta mengindahkan denai sungai di kawasan tersebut.

Dengan adanya denai di tepi sungai, ia akan menggalakkan aktiviti masyarakat seperti berkelah, memancing dan berbasikal di kalangan komuniti setempat yang menghargai ekosistem.



Di samping itu, anjakan sumber ekonomi di lokaliti berhampiran juga berpotensi untuk menyumbang kepada eko-pelancongan setempat. Diantara pengisian program pada hari ini adalah:

- Gotong royong membersihkan kawasan dan mengutip sampah sarap;
- Demo persampelan kualiti air oleh syarikat PSTW Sdn Bhd; serta
- Aktiviti menanam anak pokok



Program Denai Sungai Kebangsaan yang telah dijalankan sejak tahun 2020 dalam memfokuskan kepada pembangunan laluan di sepanjang jajaran sungai, kolam atau badan air yang berfungsi untuk menjadikannya sebagai kawasan riadah dan rekreasi. Sesungguhnya, aktiviti menyusuri denai sambil menikmati udara segar dan keindahan hijau alam tidak hanya dapat memberi ketenangan kepada jiwa, malah, mampu bertindak sebagai mekanisme penjagaan dan pelestarian sungai daripada aktiviti pencemaran.



Justeru itu, penyatupaduan keluarga Malaysia amatlah diperlukan dalam memastikan kelestarian sungai terus terpelihara.





### KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR KE ATAS KETUA PENGARAH PENDIDIKAN

18 Oktober 2021, Putrajaya - Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg Datin Sri Hajah Nor Zamani binti Abdol Hamid, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia di Pejabat Kementerian Pendidikan Malaysia, Kompleks E, Putrajaya.



Turut hadir pada sesi kunjungan tersebut adalah YBhg Dato' Hj. Pkharuddin bin Hj. Ghazali, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia - Sektor Dasar & Kurikulum, Tn Hj. Azman bin Hj Adnan, Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM dan Puan Zuraini binti Ahmad Tajudin, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS serta pegawai-pegawai daripada JAS dan KPM.

Pada sesi berkenaan kedua-dua pihak telah membincangkan perkara-perkara berkaitan usaha bersama kedua-dua agensi dalam menyebarkan luas pendidikan alam sekitar kepada warga sekolah.



## **MESYUARAT TAHUNAN PERINGKAT ASEAN IAITU 16<sup>th</sup> MEETING OF THE COMMITTEE UNDER THE CONFERENCE OF THE PARTIES TO THE ASEAN AGREEMENT ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (COM-16)**

20 Oktober 2021, Putrajaya - Mesyuarat tahunan peringkat ASEAN iaitu *16<sup>th</sup> Meeting of the Committee Under the Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (COM-16)*.

Ketua delegasi Malaysia di dalam mesyuarat ini adalah Ketua Pengarah Alam Sekitar (KPAS) iaitu En. Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar dan diiringi oleh Puan TKPO Jabatan Alam Sekitar (JAS), Puan Siti Zaleha binti Ibrahim dan Pengarah Udara, Puan Mashitah binti Darus serta pegawai-pegawai daripada Bahagian Udara, Seksyen Perhubungan Antarabangsa Bahagian Komunikasi Strategik JAS dan Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar Dan Air (KASA).

Mesyuarat pada kali ini telah dipengerusikan oleh negara Filipina. Mesyuarat ini adalah merupakan platform bagi membincangkan isu-isu jerebu merentas sempadan dan kerjasama yang dilaksanakan di antara negara ASEAN.





## MAJLIS PERASMIAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2021 PERINGKAT KEBANGSAAN SECARA ATAS TALIAN “ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



21 Oktober 2021 – Facebook LIVE & YouTube LIVE Jabatan Alam Sekitar.

Kementerian Alam Sekitar & Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara 2021 (HASN 2021) Peringkat Kebangsaan buat julung kalinya dilaksanakan secara maya (atas talian). Perasmian sambutan ini dilaksanakan melalui kaedah maya ini dengan mengambil kira situasi pandemik COVID-19 di dalam negara. Majlis perasmian sambutan ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari.

Tema sambutan Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini masih mengekalkan tema sebelum ini iaitu “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama” dan memfokuskan kepada tiga (3) program utama:

- a. Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik (e-waste);
- b. Program Penghijauan Bumi & Penanaman Pokok (1 Rakan Alam Sekitar 1 Pokok); dan
- c. Program Hindari Plastik sekali Guna (*PlasticBusters*)

Di dalam ucapan perasmian YAB Dato' Menteri Besar Selangor, beliau telah menekankan beberapa perkara berkaitan pengurusan dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai pihak dalam memastikan kelestarian alam sekitar terus dipelihara. Beliau juga menzahirkan rasa bangga dan bersyukur dengan kerjasama yang baik daripada pihak KASA, JAS dan agensi-agensi lain di bawah KASA dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor atas pengajuran HASN 2021.

Selain sambutan di peringkat kebangsaan, sambutan HASN 2021 ini juga disambut di peringkat negeri di seluruh negara dengan meriahnya. Pelbagai program telah disusun dan diatur (secara hybrid) oleh pihak JAS Ibu pejabat dan JAS Negeri dalam memastikan kemeriahan dan matlamat sambutan menjangkau ke pelusuk negara.



## PROGRAM PLASTIC BUSTERS (KEMPEN HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA)

Pada 22 Oktober 2021, Pasar Tani Presint 2, Putrajaya - Rakan Alam Sekitar (RAS) telah menjalankan Program *Plastic Busters* (kempen hindari plastik sekali guna) sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2021 bertempat di Pasar Tani Presint 2, Putrajaya. Pasar tani ini merupakan pasar malam Putrajaya yang kerap dikunjungi oleh penduduk-penduduk di sekitar Putrajaya dan warga kerja Putrajaya sendiri.

RAS berpandangan adalah sangat sesuai dan mendatangkan manfaat yang tinggi sekiranya lokasi ini dipilih sebagai tempat menjalankan kempen ini memandangkan pasar malam merupakan tempat jualan makanan dan minuman yang selalunya menghasilkan penggunaan beg plastik dalam kuantiti yang sangat tinggi.



Tema bagi sambutan HASN 2021 adalah "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" dan salah satu program utama bagi sambutan ini adalah Kempen Hindari Plastik Sekali Guna. Sehubungan itu, Jabatan Alam Sekitar telah merancang untuk mengadakan satu program Kempen Hindari Plastik Sekali Guna: *Plastic Busters* dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya, dan RAS telah diamanahkan bagi menjayakan program ini.

Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pengunjung pasar malam untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna. Pengisian program ini adalah pengagihan beg plastik kitar semula, kuiz alam sekitar dan temu bual pengunjung pasar malam.



### LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR KE PULAU PINANG

23 Oktober 2021, Pulau Pinang - Lawatan kerja YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) ke Pulau Pinang telah diiringi Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, KASA iaitu Encik Jamalulail bin Abu Bakar, Ketua Pengarah JAS, Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS, Puan Siti Zaleha binti Ibrahim, Pengarah, Bahagian Penguatkuasa JAS, Tuan Hj. Shafe'ee bin Yasin dan Pengarah, JAS Pulau Pinang, Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab.

Lawatan diadakan bagi meninjau gerak kerja dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh semua agensi berkaitan terutama agensi di bawah KASA seperti JAS dan JPS dalam memastikan pengurusan kelestarian alam sekitar di Pulau Pinang.



YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air memulakan lawatan kerja di Rumah Pam, Kampung Jawi pada jam 10.00 pagi diikuti dengan melakukan tinjauan di sekitar Kampung Jawi dan disusuli dengan lawatan kerja ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung. YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air telah diberikan taklimat berkaitan operasi tapak pelupusan tersebut oleh pihak operator, PLB Terang Sdn. Bhd.

YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air kemudian telah mengadakan sidang media yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JAS, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JAS dan Pengarah JAS Pulau Pinang. Antara perkara yang dimaklumkan di dalam sidang media tersebut adalah langkah yang telah diambil oleh KASA dalam membantu isu berkaitan pencemaran di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung dan Kampung Selamat. Usai sidang media, YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air membuat tinjauan terhadap operasi di Fasa 3, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung.





Lawatan kerja YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air kemudian diteruskan ke Sungai Kereh, Kampung Selamat. YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air telah mendengar taklimat daripada pihak JAS dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pulau Pinang serta turut melakukan tinjauan ke kawasan ladang ternakan khinzir di sekitar Kampung Selamat.

Sesi lawatan kerja berakhir di Kilang Kopi Hang Tuah bagi melihat pengurusan alam sekitar di kilang berkenaan. Lawatan kerja YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air selesai kira-kira jam 5.00 petang.



Berdasarkan lawatan kerja tersebut, YB Timbalan Menteri Alam Sekitar berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh semua agensi. KASA menyeru agar semua agensi yang berkaitan terus melaksanakan tindakan di bawah bidang kuasa masing-masing agar isu pencemaran ini dapat ditangani dengan lebih berkesan bagi memastikan kelestarian alam sekitar dapat dipelihara.





### MESYUARAT KE-12 PARTI-PARTI KEPADA KONVENSYEN VIENNA BAGI PERLINDUNGAN LAPISAN OZONE, BAHAGIAN II DAN MESYUARAT KE-33 PARTI-PARTI KEPADA PROTOKOL MONTREAL BAGI BAHAN-BAHAN PEMUSNAH LAPISAN OZON (COP12 (II)/MOP33)

Mesyuarat Ke-12 Parti-Parti Kepada Konvensyen Vienna (COP12) dan Mesyuarat Ke-33 Parti-parti Kepada Protokol Montreal (MOP33) telah berlangsung pada 23 hingga 29 Oktober 2021. Susulan penularan wabak COVID-19, mesyuarat COP12(II) dan MOP33 telah diadakan secara dalam talian bermula dari jam 7 malam hingga 10.30 malam. Mesyuarat ini dibahagikan kepada dua segmen utama iaitu *Preparatory Segment* yang telah diadakan pada 23 – 28 Oktober 2021 dan *High-Level Segment* yang diadakan pada 29 Oktober 2021.

Delegasi Malaysia ke Mesyuarat *High-level Segment* diketuai oleh Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. Delegasi Malaysia yang turut hadir sama ialah Puan Siti Zaleha binti Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS, Puan Mashitah binti Darus, Pengarah Bahagian Udara JAS, pegawai-pegawai dari Bahagian Ekonomi Pelbagai Hala dan Alam Sekitar, Kementerian Luar Negeri (KLN), pegawai-pegawai dari Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan pegawai-pegawai dari Seksyen Perlindungan Ozon, Bahagian Udara, JAS.






### BENGGEL DAN MESYUARAT PENGURUSAN SISA PLASTIK DI BAWAH KONVENSYEN BASEL

Cabaran yang dihadapi oleh negara pada masa kini dalam pengurusan sisa plastik adalah kepelbagaian agensi yang terlibat untuk memberikan kelulusan dan tindakan penguatkuasaan. Kelulusan lesen import (AP) sisa plastik HS Kod 39.15 adalah dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan pemeriksaan kontena sisa plastik di pelabuhan dijalankan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) manakala kelulusan pengimportan dan penghantaran balik kontena sisa plastik adalah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Justeru itu, satu kawalan yang efektif perlu diperincikan dan diselaraskan antara agensi teknikal bagi memastikan hanya sisa plastik yang bersih dibawa masuk ke Malaysia dan mengelakkan negara ini dari dijadikan destinasi pembuangan sampah oleh negara-negara luar.



Setelah bermulanya pindaan di bawah Konvensyen Basel bagi kawalan secara menyeluruh ke atas pergerakan sisa plastik merentas sempadan pada 1 Januari 2021, beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah diadakan antara Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Putrajaya dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bagi menyelaraskan prosedur pengimportan sisa plastik dan tindakan penguatkuasaan kontena sisa plastik di pintu masuk Malaysia.

Mengambil kira input dan maklumat daripada mesyuarat dan perbincangan tersebut, JAS selaku *Interim National Competent Authority* bagi pengurusan sisa plastik di Malaysia telah menganjurkan Bengkel dan Mesyuarat Pengurusan Sisa Plastik di bawah Konvensyen Basel pada 28 Oktober 2021 bertempat di Bilik Cempaka, JAS Putrajaya. Bengkel ini telah dihadiri secara fizikal oleh pegawai JAS Putrajaya, JKDM Putrajaya, JPSPN, dan SWCorp. Pegawai-pegawai dari JAS Negeri Pulau Pinang, Johor dan Selangor juga turut hadir dalam bengkel ini secara atas talian.





Bengkel ini telah membincangkan Deraf Pelan Tindakan Kebangsaan Pengimportan dan Penguatkuasaan Sisa Plastik yang meliputi tiga (3) jenis prosedur dalam pengurusan sisa plastik. Prosedur yang terlibat adalah Prosedur Permohonan Pengimportan Sisa Plastik di bawah Konvensyen Basel, Prosedur Penguatkuasaan Pengimportan Sisa Plastik ke Malaysia dan Prosedur Pengurusan Pemulangan Kontena Sisa Plastik (Repatriation) ke Negara Pengeksport.



Melalui bengkel ini, tindakan setiap agensi teknikal iaitu JKDM, JPSPN, SWCorp dan JAS Negeri di dalam prosedur-prosedur tersebut telah dibincangkan untuk penyelarasan berdasarkan bidang kuasa agensi masing-masing. Bengkel ini juga turut membincangkan keberkesanan penguatkuasaan di pintu masuk berdasarkan beberapa kes tahanan kontena di pelabuhan. Hasil daripada bengkel ini akan digunakan oleh *Competent Authority* yang akan dilantik bagi memuktamadkan prosedur bagi pengurusan sisa plastik di Malaysia.





### PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA (COP) KALI KE 4 BERKENAAN KONVENSYEN MINAMATA BERKAITAN MERKURI

Persidangan Negara-Negara Anggota (*Conference of Parties, COP*) ke Empat Bahagian Pertama bagi Konvensyen Minamata Berkaitan Merkuri telah diadakan secara hybrid di Bali, Indonesia pada 1 hingga 5 November 2021 yang melibatkan pegawai-pegawai daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) dan Badan Racun MakhluK Perosak, Jabatan Pertanian Malaysia. COP4 ini akan dilaksanakan dalam dua (2) bahagian iaitu Bahagian Pertama melibatkan persidangan hybrid dan dalam talian antara negara-negara anggota dan Bahagian Kedua akan dilaksanakan secara bersemuka pada bulan Mac 2022 di tempat yang sama. Ucapan pembukaan dilakukan oleh Menteri Alam Sekitar dan Hutan Indonesia, Puan Siti Nurbaya Bakar.



Presiden COP4 Rosa Vivien Ratnawati dari Indonesia dan Setiausaha Eksekutif COP4 Monika Stankiewicz memainkan peranan penting sepanjang tempoh Persidangan COP4 Konvensyen Berkaitan Merkuri ini berlangsung. Beberapa isu berkaitan pindaan terhadap teks kepada Konvensyen juga telah dibincangkan untuk persetujuan semua negara anggota. Antara isu yang dibincangkan termasuklah pindaan kepada senarai produk tambahan merkuri (mercury-added product) di dalam Annex A, teks Konvensyen ini dan isu-isu berkaitan pengurusan merkuri oleh negara-negara anggota.

Penglibatan Malaysia di dalam Konvensyen ini adalah sebagai pemerhati (*observer*) kerana Malaysia masih belum meratifikasi Konvensyen Minamata Berkaitan Merkuri. Usaha Malaysia ke arah meratifikasi Konvensyen ini sedang dijalankan dengan mengambilkira beberapa keperluan Konvensyen yang perlu dipenuhi oleh negara antara lainnya termasuklah keperluan dari segi perundangan dan pelan nasional.

Peranan KASA selaku *Focal Point* bagi Konvensyen ini amat penting di dalam menyelaraskan agensi-agensi teknikal yang berkaitan dan membuat dasar terhadap pendirian negara berhubung kehendak Konvensyen ini.



### MESYUARAT PENYELARASAN ADUAN JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2021

9 November 2021, Putrajaya - Aduan adalah satu indikator keberkesanan tindakan penguatkuasaan oleh sesebuah organisasi atau agensi. Ianya juga gambaran sejauh mana tahap keperihatinan orang ramai terhadap sesuatu isu. Semua aduan perlu ditangani dengan cekap dan berkesan agar kewibawaan dan imej agensi dipandang tinggi oleh orang ramai. Pihak pengadu akan berpuas hati jika tindakan diambil ke atas pihak yang diadu dan masalah atau isu dapat diselesaikan. Justeru itu, setiap aduan perlu ditangani dengan sebaik mungkin dengan mengambil kira kaedah, prosedur kerja serta peruntukan undang-undang yang digariskan.



Bagi memastikan pengurusan aduan yang berkesan, Seksyen Aduan & Tindakan Susulan Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasa JAS telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Tahunan Aduan secara hybrid pada 9 November 2021, bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka, JAS Ibu Pejabat, Putrajaya yang dipengerusikan oleh YBrs. Puan Siti Zaleha binti Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS. Mesyuarat pada kali ini melibatkan seramai 84 orang pegawai JAS yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri dan JAS Cawangan.



Objektif mesyuarat ini adalah untuk membincang, menyelaraskan dan menyeragamkan tindakan dan pengurusan aduan bagi kes-kes pencemaran alam sekitar.

Mesyuarat ini adalah penting bagi memastikan pengurusan aduan yang cekap dan berkesan bagi mengekang aktiviti-aktiviti yang boleh mencemarkan alam sekitar oleh penjenayah-penjenayah alam sekitar yang menggunakan pelbagai helah supaya aktiviti mereka tidak dapat dikesan.

Pada mesyuarat kali ini, sebanyak empat (4) sesi pembentangan telah diadakan iaitu:

1. Laporan Pengurusan Aduan 2020 dan 2021;
2. Pengurusan Aduan Melalui Saluran 'Notification of Pollution Event' (NPE) Level 1, Di Bawah Program EQMP, JAS;
3. Panduan Pengeluaran Kompaun – Kesalahan Pembakaran Terbuka; dan
4. Pengurusan Aduan Melalui Saluran Media Massa & Penyediaan Kenyataan Media.



Di akhir mesyuarat beberapa rumusan dan ketetapan telah dicapai terhadap perkara-perkara berikut:

1. Pengendalian dan tindakan terhadap kes-kes pembakaran terbuka termasuk kes-kes pembakaran terbuka kejurangan dan sampah sarap;
2. Pematuhan piagam pelanggan;
3. Pengurusan aduan yang perlu diberi keutamaan, kecemasan dan aduan melalui media;
4. Pengendalian aduan Notification Pollution Event - NPE 1; dan
5. Penyediaan Nota Makluman dan Kenyataan Media.

Mesyuarat diakhiri dengan sesi amanat oleh YBrs. Encik Wan Abdul Latif bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia.



## LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI 1 KE IBU PEJABAT JAS

10 November 2021, Putrajaya - YB Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi I telah mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat JAS Putrajaya.

Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah JAS telah menyampaikan taklimat berkaitan pengurusan JAS. Turut hadir Puan Siti Zaleha binti Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS dan Puan Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian JAS dan Dr Mohd Famey bin Yusoff, pengarah JAS Negeri Johor.





### PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR



11 November 2021, Putajaya - Perhimpunan Bulanan JAS Bil. 9/2021 telah diadakan secara fizikal dengan mematuhi SOP MKN. Manakala semua pegawai JAS di seluruh negara juga turut serta dalam perhimpunan ini secara maya.

En. Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia (KPAS) memberi penekanan mengenai perkara-perkara berikut dalam ucapan amanat beliau:

- Siasatan Penguatkuasaan terutamanya berkenaan aduan;
- Persijilan ISO 9001:2015; dan
- Integriti Pegawai;

Pelancaran tudung dan tali leher rasmi pegawai-pegawai JAS juga diadakan semasa perhimpunan ini.



## LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA KE PAHANG

12 November 2021, Kuantan – Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia, Yang Berusaha Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar telah melakukan lawatan kerja di Negeri Pahang. Turut hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Dr. Norhazni binti Mat Sari dan pegawai-pegawai kanan JAS Ibu Pejabat.

Lawatan dimulakan dengan majlis ringkas beramah mesra bersama kakitangan JAS Pahang dan seterusnya lawatan ke tapak cadangan projek EIA yang turut disertai oleh Pengarah dan pegawai JAS Pahang.




Ini merupakan lawatan kerja pertama Yang Berusaha KPAS ke negeri Pahang sejak dilantik sebagai Ketua Pengarah yang baharu pada 05 September 2021.



### WEBINAR ONLINE BERSAMA YBHG. DATUK PROF. DR. ROHAIZAT YON (MANTAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PERUBATAN) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BERTAJUK : COVID-19 - PERANG BELUM BERAKHIR

Coronavirus 2019 yang lebih dikenali sebagai Covid-19 didefinisikan sebagai jangkitan yang disebabkan oleh novel coronavirus (CoV) yang kini dikenali sebagai *severe acute respiratory syndrome coronavirus 2* (SARS-CoV-2) umumnya dipanggil sebagai 2019-nCoV. Virus ini menjejaskan saluran pernafasan dan ianya bermula daripada haiwan dan menjangkiti manusia. Jangkitan koronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selsema biasa kepada radang paru-paru (*pneumonia*) yang teruk. Jangkitan ini boleh membawa maut kerana ia boleh menyebabkan kegagalan organ termasuk kecederaan jantung, hati atau ginjal dan kegagalan pernafasan ataupun sindrom gangguan pernafasan akut atau *Acute Respiratory Distress Syndrome* (ARDS) serta kejutan septik dan thromboembolism.



Sebelum ini terdapat beberapa jenis koronavirus yang telah menyerang penduduk dunia seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory Syndrome Related Coronavirus* (MER-CoV). Namun begitu, Covid-19 merupakan koronavirus yang telah memberikan impak yang paling dasyat kepada sistem kesihatan di seluruh dunia. Bandar Wuhan di wilayah Hubei, China dikatakan sebagai kawasan permulaan bagi wabak Covid-19, sebagaimana yang dilaporkan oleh *World Health Organization* (WHO) pada 31 Disember 2019. Virus Covid-19 ini juga dikatakan datang daripada haiwan liar seperti kelawar, ular dan tenggiling. Aktiviti penjualan haiwan-haiwan liar ini sebagai makanan eksotik dikatakan menjadi punca utama penyebaran virus ini. Virus ini merebak dengan cepat dan pada 30 Januari 2020, WHO mengisytiharkan darurat kesihatan bagi menghadapi wabak Covid-19. Seterusnya pada 11 Mac 2020, WHO telah mengisytiharkan Covid-19 sebagai global pandemik. Sehingga ke hari ini, jumlah korban Covid-19 di seluruh dunia telah melebihi 2 juta orang.





Pandemik Covid-19 di Malaysia bermula apabila wabak ini dibawa masuk oleh sekumpulan pelancong antarabangsa yang memasuki Malaysia melalui Singapura. Walaupun terdapat desakan-desakan supaya kerajaan Malaysia menghalang kemasukan mereka namun tidak ada langkah sekatan yang diadakan pada masa tersebut. Pada awalnya, bilangan kes Covid-19 di Malaysia masih berada di tahap rendah dan kebanyakannya hanya melibatkan warga asing. Namun begitu, pada Mac 2020, bilangan kes Covid-19 mula meningkat terutama sekali daripada 'Kluster Jemaah Tabligh'. Kluster ini wujud setelah satu majlis agama diadakan di Sri Petaling pada 28 Februari hingga 1 Mac 2020 dan dianggarkan telah dihadiri oleh 10,000 jemaah dari pelbagai negara (BH Online, 12 Mac 2020). Ia telah menjadi permulaan kepada peningkatan kes yang mendadak di Malaysia.

Menurut sumber rasmi Malaysia, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia sekaligus menyebabkan jumlah kes COVID-19 membabitkan kluster itu meningkat kepada 3,347 kes berbanding 2,375 sebelum ini. "Ini bermakna kluster dan subkluster Seri Petaling menyumbang 48 peratus daripada jumlah kes COVID-19 di Malaysia" (BH Online, Mei 2020). Peningkatan kes positif Covid-19 ini disebabkan oleh kemunculan sub-sub kluster bagi kluster Seri Petaling yang sebahagian besarnya merupakan pusat-pusat tahfiz di seluruh negara. Kluster ini merupakan yang terbesar dan paling lama aktif di Malaysia. Ia diisytiharkan tamat pada 8 Julai 2020, 28 hari selepas pesakit yang ke 3,375 ditemui. Pesakit terakhir sembuh dari kluster ini keluar dari hospital pada 6 Julai, selepas empat bulan dalam rawatan (Malaysiakini, 2021).

**msu** MANAJEMEN SYARIAH UNIVERSITI

**COVID-19** **DEFINISI KONTAK RAPAT DAN KONTAK KASUAL**

**KONTAK RAPAT**  
Individu yang berhubung secara langsung dengan kes positif COVID-19, sama ada bersemuka lebih daripada 15 minit pada jarak kurang daripada 1 meter tanpa memakai pelitup muka atau bersentuhan.

**KONTAK RAPAT TERMASUK:**

1. Ahli keluarga atau individu yang tinggal serumah
2. Rakan sekerja yang bekerja dalam ruang yang sama
3. Rakan sekelas
4. Berada dalam kenderaan yang sama dalam lingkungan jarak dua tempat duduk

**VS**

**KONTAK KASUAL**  
Individu yang berada dekat dan berkemungkinan terdedah kepada kes positif COVID-19 tanpa diketahui. Individu ini berisiko rendah untuk dijangkiti berbanding kontak rapat.

Kontak kasual termasuk individu yang telah dikenalpasti mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19 di tempat tertentu pada waktu yang sama dengan kes positif COVID-19 berdasarkan MySejahtera Check-Ins.

**PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19**

Kementerian Kesihatan Malaysia

mySejahtera

f

Twitter

YouTube

Instagram

mySejahtera

SCAN QR

Bersama Bertindak Wabak COVID-19





### COVID-19 VIRUSES

- **MAJOR MODE OF TRANSMISSION: DROPLETS** - cough, flu, sneezing etc
  - **A Cough / sneeze:** 150 milliseconds
  - **3,000 droplets.**
  - **Stay in air:** 10 minutes
  - **Size virus covid** – (60-140nm) = 1,333X slices of a hair (80,000-100,000nm).
- **Major mode of entry** – nose, mouth, eyes
- **Esp. crowded areas, poor ventilation**
- **Wear masks properly** – 70-80% effective
- **OTHER MODES OF TRANSMISSION:**
  - **Direct contact / touch**
  - **Airborne (VARIANT DELTA)**

Wabak COVID-19 ini terus meningkat pada 7 Mac 2020 dan jumlah kes positif melonjak naik pada 16 Mac 2020. Sehubungan dengan itu, Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 14 hari (18 Mac hingga 31 Mac 2020). Ia bertujuan untuk memutuskan rantaian (break the chain) wabak COVID-19. Sejak 18 Mac 2020, pihak kerajaan mengawal pergerakan orang ramai untuk bergerak dari suatu kawasan ke kawasan lain terutamanya bagi kawasan zon merah yang mempunyai rekod kes positif COVID-19 yang tinggi. Di bawah PKP ini, hanya seorang wakil keluarga sahaja dapat meninggalkan rumah dan keluar untuk membeli barang keperluan.

Malaysia telah berjaya melandaikan kes positif Covid-19 bermula awal pertengahan tahun 2020 sehingga awal September 2020. Kes positif Covid-19 kembali meningkat berikutan dengan keputusan kerajaan mengadakan Pilihanraya Negeri Sabah pada 26 September 2020. Sejak itu, Malaysia terpaksa berhadapan dengan jumlah kes yang begitu ketara dan kerajaan kembali mengadakan sekatan pergerakan iaitu PKP bagi menyekat penularan wabak ini.

Susulan daripada kesan pandemik Covid-19 yang telah menjejaskan pelbagai pihak termasuk orang awam dan industri, pihak kerajaan telah melancarkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Julai 2021 bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh semua pihak. PPN terbahagi kepada 4 fasa iaitu Fasa 1 – Fasa 4 di mana setiap fasa mempunyai prosedur tetap operasi (SOP) yang berbeza bagi tujuan aktiviti sosial. Peralihan fasa adalah bergantung kepada beberapa indikator utama iaitu peratus penduduk dewasa yang telah divaksin sepenuhnya, bilangan kes baharu Covid-19 harian dan kadar penggunaan ICU. Sehingga kini, hampir keseluruhan negeri di Malaysia telah berada pada Fasa 4 kecuali Negeri Kelantan dan Sarawak yang masih berada pada Fasa 3.





## LANGKAH-LANGKAH KAWALAN PANDEMIK COVID-19

KKM menasihatkan semua rakyat untuk memastikan norma baru dipatuhi dan diamalkan setiap masa seperti berikut:-

- Penyediaan tempat mencuci tangan atau *hand sanitizer*;
- Pekerja mengenakan pelitup muka setiap masa;
- Amalan penjarakan sosial yang selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter termasuk di ruang kerja dan ruang makan;
- Elakkan berkumpul di ruang yang sempit (*confined space*);
- Elakkan terlalu ramai orang bersama pada satu masa (*crowded place*);
- Amalkan jarak 1 meter dan pemakaian pelitup muka semasa bercakap (*close conversation*); dan
- Kerap melaksanakan proses nyah kuman dan nyah cemar, terutamanya di ruang guna sama;

### JUMLAH KESELURUHAN TABURAN KES COVID - 19 DI MALAYSIA

Sehingga 26 Ogos 2021, 12 tengah hari



Kes terdahulu	1,616,244	26 Ogos 2021	Kes Baharu	Jumlah Kesembuhan	Peratus
Kes baharu	24,599	Jumlah kes kematian	393 kes	15,211	0.93 %
JUMLAH KES POSITIF KESELURUHAN :		Kes sembuh	22,657 kes	1,359,791	82.87 %
<b>1,640,843 (7.45%)</b>		Kes aktif		265,841	16.20 %
Jumlah Individu Disampel : 22,022,140		Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		990	0.06 %
		Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )		487	0.03 %

TABURAN KES MENGIKUT NEGERI						
Negeri	Kes 24 Ogos 2021	Kes 25 Ogos 2021	Kes Baharu 26 Ogos 2021	Kumulatif Kes	Kematian Baharu	Kumulatif Kematian
Selangor	4,645 (14)	6,325 (4)	6,936	579,732 (1014)	125	5,409
W.P Kuala Lumpur	1,284 (4)	1,128	881 (7)	168,705 (1801)	61	1,958
Sabah	3,376	3,224 (1)	3,487	134,517 (50)	26	1001
Johor	1,743	1,832	2,785	128,666 (325)	48	1,775
Sarawak	1,543	1,667	2,024	105,072 (225)	-	509
Negeri Sembilan	351 (4)	269	526	89,980 (208)	20	984
Kedah	1,772	2,279	1,538	89,027 (10)	15	805
Pulau Pinang	2,054	1,427	2,078	77,852 (28)	31	509
Kelantan	1,422	1,424	1,312	71,083 (8)	9	374
Perak	1,242	1,390	1,170	62,537 (23)	15	444
Melaka	396	342	515 (1)	46,252 (82)	33	650
Pahang	521	522	690	40,519 (20)	8	396
Terengganu	383	744	567	30,324 (39)	2	210
W.P Labuan	4	4	3	9,791 (63)	-	149
W.P Putrajaya	27	21	20	5,197 (41)	-	20
Perlis	74	44	67	1,589	-	18
<b>JUMLAH</b>	<b>20,837 (22)</b>	<b>22,642 (5)</b>	<b>24,599 (8)</b>	<b>1,640,843 (3,936)</b>	<b>393</b>	<b>15,211</b>

Nota: (1) : Kes import daripada jumlah keseluruhan kes

Sumber : CPKC Kebangsaan, AKM

Selain itu, bagi pihak majikan dan pekerja juga adalah disaran supaya langkah proaktif diambil dalam memastikan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 seperti berikut:

- Elakkan 3C / 3S seperti yang telah disarankan;
- Pastikan katil atau tempat tidur disusun mengikut penjarakan sekurang-kurangnya 1 hingga 2 meter antara satu sama lain;
- Elakkan penyediaan makanan secara berkumpul atau beramai-ramai;
- Elakkan makan secara beramai-ramai di ruang makan;
- Pastikan ruang rehat tidak sesak pada masa yang sama;
- Pastikan kebersihan tempat penginapan termasuk tandas dan persekitaran sentiasa dijaga dengan kerap melaksanakan sanitasi dan pembersihan.

Bagi pekerja-pekerja pula, adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan semasa di tempat kerja dengan menjaga keselamatan diri, memakai pelitup muka, tidak bersembang dekat, menjaga kebersihan tempat makan atau fasiliti gunasama dan memantau gejala, serta memaklumkan kepada majikan dengan kadar segera sekiranya bergejala. Elakkan datang bertugas bagi mengurangkan risiko penyebaran penyakit dan dapatkan pemeriksaan dengan segera.

## PROGRAM PAMERAN ALAM SEKITAR, PLASTIC BUSTERS DAN PENGUMPULAN EWASTE SEMPENA HARI KARNIVAL KELUARGA



Pada 20 November 2021, Tamara Residence, Presint 8, Putrajaya - Rakan Alam Sekitar (RAS) telah dijemput hadir ke Hari Karnival Keluarga Tamara Residence, Presint 8, Putrajaya oleh Jawatankuasa Persatuan Penduduk di penempatan tersebut bagi mengisi slot aturcara program dengan tiga (3) aktiviti seperti berikut:-

- (i) Pameran Alam Sekitar;
- (ii) Plastic Busters (kempen hindari plastik sekali guna); dan
- (iii) Pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (ewaste).

Program-program yang diisi oleh RAS ini adalah bagi memupuk semangat kecintaan alam sekitar kepada penduduk setempat demi menuju ke arah kelestarian alam sekitar di negara ini.

Program ini dihadiri oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar yang dijemput sebagai salah seorang panel bagi pertandingan reka cipta yang diadakan sempena karnival tersebut. Turut hadir ialah Ketua Polis Putrajaya, pegawai polis, pegawai Jabatan Pertanian dan ahli RAS.



### SEMINAR PERUNDANGAN UDARA BERSIH KE ARAH LANGIT BIRU

27 November 2021, Putrajaya - Seminar Perundangan Udara Bersih Ke Arah Langit Biru anjuran Kelab Kebajikan dan Sukan Alam Sekitar (KESAS). Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. En Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Ceramah telah disampaikan oleh Puan Mashitah binti Darus, Pengarah Bahagian Udara JAS Ibu Pejabat dan Puan Farah Diana, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Udara JAS Ibu Pejabat. Semoga seminar tersebut memberi input berguna dalam mendepani cabaran melestarikan alam sekitar.



### PELAKSANAAN MEKANISME PENGURUSAN E-WASTE LESTARI

JAS sedang dalam usaha membangunkan mekanisme pengurusan e-waste yang menetengahkan konsep *Extended Producer Responsibility* (EPR) dan *shared responsibility* yang mana semua pihak berkepentingan bertanggungjawab untuk menguruskan e-waste secara mesra alam atau *environmentally sound management*.



SELASA • 19 OKT 2021 • 9.00 MLM

Tonton di Saluran 501 | Live TV - [astroawani.com](http://astroawani.com) & Aplikasi Astro AWANI






### PROGRAM KEMUNCIAK PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE): JOM E-WASTE FIESTA

28 November 2021, Kuala Lumpur - Majlis perasmian kemuncak program pengumpulan e-Waste iaitu Jom E-Waste Fiesta telah diadakan pada 27 November 2021 bertempat di pusat membeli belah AEON AU2, Setiawangsa, Kuala Lumpur.

Majlis telah dirasmikan secara maya oleh YB Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air dan turut dihadiri oleh En Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Puan Siti Zaleha binti Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS, Dr. Kasuma Satria Mat Jadi, Ketua Pegawai Sumber Manusia AEON Co. (M) Bhd, Puan YM Tunku Khalkausar binti Tunku Fathahi@Fathi, Pengarah Bahagian Berbahaya JAS, pegawai-pegawai KASA dan JAS serta pihak media.

Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan antaranya program mewarna kanak-kanak, slot sembang e-Waste serta kuiz berkaitan e-Waste telah dijalankan.

Semoga program ini memberi inspirasi untuk Keluarga Malaysia bersama-sama melestarikan alam sekitar.



## **PROGRAM PAMERAN RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) DI BOOTH KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA) DAN KEMPEN PENAMBAHAN KEAHLIAN RAS SEMPENA PROGRAM 100 HARI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA**

Pada 9 dan 10 Disember 2021, Kuala Lumpur Convention Centre - Rakan Alam Sekitar (RAS) telah menyertai Pameran (Agensi) bagi Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia yang dilangsungkan di Kuala Lumpur Convention Centre.

Program dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia, dengan jemputan perasmian seramai 300 orang. Jumlah pengunjung yang hadir secara fizikal sepanjang program ini berlangsung ialah dianggarkan seramai 20,000 orang manakala jumlah tontonan secara atas talian (maya) ialah dianggarkan seramai 100,000 penonton.



Melalui program ini, JAS melalui RAS telah melaksanakan pameran alam sekitar serentak dengan kempen penambahan keahlian RAS dan pameran ewaste yang dijalankan oleh Bahagian Bahan Berbahaya, JAS.

RAS membuka kaunter pendaftaran keahlian RAS dan pameran alam sekitar di Booth KASA. Pameran RAS dijayakan oleh seramai enam (6) orang pegawai JAS yang juga merupakan ahli dan sekretariat RAS.

Di samping pendaftaran RAS, JAS turut mempamerkan komputer lama yang telah menjadi ewaste untuk memberi kesedaran kepada orang awam tentang kandungan bahan berbahaya dan bahan berharga yang ada di dalam ewaste. Dengan cara ini kita dapat menggalakkan mereka untuk menguruskan ewaste dengan cara yang betul.

Melalui program sepanjang dua (2) hari tersebut, RAS telah Berjaya memperoleh seramai 245 orang yang mendaftar sebagai ahli RAS yang baru.



Program Rakan Alam Sekitar (RAS) telah dilancarkan pada 4 Jun 2009 oleh YAB Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) merupakan inisiatif kementerian dalam membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Rakan Alam Sekitar melibatkan anggota masyarakat secara 'hands-on' iaitu menjadi 'mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

Objektif Program Rakan Alam Sekitar adalah seperti berikut:-

1. Memberi kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat
2. Menanam rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama
3. Menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan atau pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan



Kumpulan sasaran penyertaan keahlian Rakan Alam Sekitar (RAS) terbuka kepada semua warganegara Malaysia tidak kira peringkat umur termasuk pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, pekerja sektor awam, swasta, orang awam dan lain-lain. Pendaftaran keahlian RAS boleh dibuat secara atas talian menerusi sistem MyRAS di pautan <http://myras.doe.gov.my>. Pendaftaran penyertaan keahlian RAS adalah berkonsepkan pendaftaran sendiri. Penyertaan keahlian RAS adalah percuma dan tidak dikenakan sebarang bayaran.

Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man menyifatkan bahawa RAS membentuk sikap kesukarelawanan dan sayangi alam sekitar. RAS sentiasa di hati YB Menteri.

## **PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI (BEACH CLEAN-UP) USAHA SAMA JAS-TNB**

18 Disember 2021, Pantai Batu Feringghi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang - Rakan Alam Sekitar (RAS) telah melaksanakan program pembersihan pantai yang bertempat di Pantai Batu Feringghi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Mansor bin Haji Othman. Program ini dihadiri oleh jemputan kehormat iaitu Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBrs Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar dan Pegawai Kanan TNB.

Program ini dilaksanakan bagi memeriahkan lagi sambutan HASN 2021 di samping secara tidak langsung meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan untuk memiliki pantai yang bersih dan indah. Lanya adalah bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan untuk menjaga kebersihan pantai kerana ia mempunyai kaitan dengan kehidupan seharian kita seperti berikut:-

### (i) Laut merupakan sumber oksigen

Oksigen yang dihasilkan daripada hutan hanyalah 28 peratus sahaja, manakala 70 peratus sebahagian besarnya adalah daripada hidupan marin serta dua (2) peratus lagi daripada lain-lain.

### (ii) Kehadiran ikan

Jika pantai itu bersih, ikan akan ke kawasan bakau dengan banyak, malah hidupan lain seperti ketam juga turut serta dan ini menjadikan ekosistem di situ seimbang. Namun jika sebaliknya, pantai itu mungkin tidak menjadi tumpuan ikan, sekaligus menjadikan pantai itu sekadar menjadi kawasan yang 'kosong' tanpa ekosistem sempurna.

### (iii) Mengundang penyu dan hidupan marin lain

Pantai yang bersih bukan sahaja penting untuk pembiakan ikan, malah ia juga mampu mengundang hidupan marin lain seperti penyu. Hikmahnya kedatangan hidupan marin seperti ini ke pantai yang bersih itu adalah ia boleh menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat eko-pelancongan, secara tidak langsung turut menaik taraf populariti pantai berkenaan.

### (iv) Jaminan sumber makanan laut komuniti nelayan

Jika pantai bersih dan tidak tercemar, tidak mustahil banyak ikan tertentu akan mendiami zon kawasan tersebut, sekaligus akan menjamin 'rezeki' buat nelayan tempatan. Namun jika berlaku perkara sebaliknya, sumber perikanan mereka terhad dan akan terjejas, maka nelayan tempatan ini terpaksa bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan jumlah tangkapan masing-masing.



(v) Tanda menjadi manusia beramalah dan rakyat yang bertanggungjawab

Allah menciptakan pantai dan laut untuk diberikan kepada kita sebagai medan rezeki buat nelayan, sumber kehidupan buat komuniti setempat, warisan bangsa dan sebagainya. Sebagai manusia, apabila kita menjaga kebersihan kedua-dua kawasan ini, itu adalah tanda kita bersyukur dan beramalah menggunakan nikmat tersebut dengan sebaiknya.

Pelaksanaan program ini adalah bertepatan dengan slogan Jabatan Alam Sekitar iaitu Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama, dengan melibatkan kumpulan-kumpulan sasaran yang tertentu. Malahan dari sudut pandangan orang awam, ia menjadi tanggungjawab kita untuk menjaganya agar dapat memberi manfaat kepada semua.

Pantai yang bersih pasti akan menjadi pilihan awam sebagai tempat bersantai, tumpuan pelancong luar yang ingin merasai kehangatan cuaca di pantai Malaysia, malah boleh menaikkan imej kawasan tersebut sebagai lokasi menarik.

Dalam masa sama, tidak perlu untuk kita semata-mata mengharapkan pihak berkuasa untuk menggazetkan sesebuah pantai dan laut itu sebagai Taman Negara, pusat pelancongan atau tempat warisan bersejarah. Sebaliknya menjadi tugas kita sebagai rakyat untuk mempunyai kesedaran sendiri dalam menjaga keadaan pantai dan laut itu agar ianya terpelihara secara mampan.





Objektif pelaksanaan program pembersihan pantai ini adalah seperti berikut:-

- i. Membentuk dan menyemai budaya dan gaya hidup menyayangi alam sekitar di kalangan masyarakat selaras dengan tema Hari Alam Sekitar Negara (HASN) iaitu "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama";
- ii. Mewujudkan persekitaran pantai yang bersih, ceria dan selamat untuk dikunjungi;
- iii. Meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan kelestarian perairan pantai;
- iv. Meningkatkan kebertanggungjawaban semua pihak termasuk kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam memelihara dan memulihara perairan pantai;
- v. Mewujudkan kesedaran orang awam dan mendidik masyarakat akan kesan negatif penggunaan plastik terhadap ekosistem marin seiring dengan inisiatif #plasticbusters; dan
- vi. Memupuk minat masyarakat dalam sama-sama menjaga kelestarian alam sekitar dan menerapkan nilai-nilai murni dalam memainkan peranan masing-masing untuk sama-sama menangani isu pencemaran pantai dan air laut.



Aktiviti pembersihan pantai adalah disasarkan kepada semua golongan iaitu kakitangan kerajaan, swasta, institusi, NGO dan orang awam. Walau bagaimanapun, selaras dengan fasa pemulihan pandemik Covid-19 ini, program yang dianjurkan adalah dengan kawalan penjarakan fizikal dan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Jumlah peserta yang terlibat pula adalah dalam lingkungan 200 orang sahaja.

Program turut dihadiri oleh pensyarah dan pelajar-pelajar daripada UiTM Kampus Bertam, pegawai-pegawai JAS, pegawai-pegawai TNB, wakil agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pihak media dan ahli RAS.



### GREEN TIPS FOR DOE

# REDUCING eWASTES

## Maintain Electronics



Electronic waste (also known as e-waste) is discarded electrical or electronic devices. Improper disposal and processing of this waste can lead to adverse human and environmental damages. With our tendency to just throw away products and continually purchase new ones, this creates a global e-waste problem.

### Maintain your Electronics

One of the best ways to save your money and reduce e-waste is to keep your electronics well-maintained, to increase its life. Here are some tips to get you started.



#### Maintaining a Laptop or Computer:

Clean your computer often so that it doesn't get dirty.

Whenever possible, try not to overcharge your battery. This means unplugging your charger *before* your laptop hits 100%, which will improve your battery's overall lifespan.



#### Maintaining a Mobile Phone:

Use a phone case and screen protector so that your phone doesn't break when you drop it.

Similarly to laptops, keep your device clean and don't always fully charge your battery if you don't need to (This improves overall battery lifespan).



By maintaining your electronics, you save money on having to buy new gadgets when your old ones break down. You're also keeping electronics out of landfills by increasing the total lifespan of your electronic devices.

### "Think Wisely.. Think Green"



**GREEN TIPS SECRETARIAT  
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT**






## PERPUSTAKAAN EiMAS

Bil. 28 / 2021

### for **BIOCHAR** ENVIRONMENTAL MANAGEMENT

SCIENCE, TECHNOLOGY AND IMPLEMENTATION



Biochar is the carbon-rich product which occurs when biomass (such as wood, manure or crop residues) is heated in a closed container with little or no available air. It can be used to improve agriculture and the environment in several ways, and its persistence in soil and nutrient-retention properties make it an ideal soil amendment to increase crop yields. In addition to this, biochar sequestration, in combination with sustainable biomass production, can be carbon-negative and therefore used to actively remove carbon dioxide from the atmosphere, with potentially major implications for mitigation of climate change. Biochar production can also be combined with bioenergy production through the use of the gases that are given off in the pyrolysis process.

The first edition of this book, published in 2009, was the definitive work reviewing the expanding research literature on this topic. Since then, the rate of research activity has increased at least ten-fold, and biochar products are now commercially available as soil amendments. This second edition includes not only substantially updated chapters, but also additional chapters: on environmental risk assessment; on new uses of biochar in composting and potting mixes; a new and controversial field of studying the effects of biochar on soil carbon cycles; on traditional use with very recent discoveries that biochar was used not only in the Amazon but also in Africa and Asia; on changes in water availability and soil water dynamics; and on sustainability and certification. The book therefore continues to represent the most comprehensive compilation of current knowledge on all aspects of biochar.

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=17971>



**Institut Malaysia Alam Sekitar (EiMAS)**  
**Jabatan Alam Sekitar**  
**Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia**  
**Beg Berkunci No 24**  
**43600 Bangi**  
**Selangor Darul Ehsan.**  
**Latitud : 2.9255121 Longitud :101.7883249**

**Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/**  
**03-89261368/ 03-89250873/ 03-89261369**  
**Faks: 03-8926 1700**





## Famous Scientists Word Search

This word search has a list of famous scientists that have influenced the world. The words in this word search are hidden across, down, and diagonally, with backwards.

R F E H E E D M E F U P Y H K R M C C N  
 T I O E L E S I L T E N N H C T C S O H  
 V R S D H E S E T S A Y A U I E A T P R  
 O N R O R E M V O R T V A D R O N H E H  
 C U R I E I A R T U N D M D C S S I R I  
 A H N H N E U I S T H T I C A C U B N O  
 O T I G U T K E I H A G R W U R E P I R  
 T A W M N N L M R E H N S K L L A A C I  
 A I R O A N N E A R E I T T L S N F U B  
 R O A L A X Y N B F H K S H A E N O S O  
 C W D G L A W D N O T W E N D B I C F H  
 H S T A N H H E R R N A T I O A L E O R  
 I R I L F E O L L D A H S Y O D Y G N O  
 M U T I R I Y E H L E O L P G N W O H N  
 E E D L A N U E V I N E O K M O L M U E  
 D T R E N S R V L A D W T A C E T V B T  
 E S I O K T E N N Y R A N W U N O S B L  
 S A D U L E O S A E I N S U H W A E L H  
 U P A S I I C D T S N R G R K E P L E R  
 C A E T N N E E B T I Y L T E S L A P E

ARCHIMEDES  
 ARISTOTLE  
 BELL  
 BOHR  
 BOYLE  
 COPERNICUS

CRICK  
 CURIE  
 DARWIN  
 EDISON  
 EINSTEIN  
 FARADAY

FEYNMAN  
 FLEMING  
 FRANKLIN  
 GALILEO  
 GOODALL  
 HAHN

HAWKING  
 HUBBLE  
 KEPLER  
 LINNAEUS  
 MAXWELL  
 MENDELEEV

NEWTON  
 NOBEL  
 PASTEUR  
 PLANCK  
 RUTHERFORD  
 TESLA



**Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Alam Sekitar dan Air  
Aras 1-4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62574 PUTRAJAYA  
Telefon : 003-88712000  
Faks : 03-88889987  
Hotline : 1-800-88-2727**

[www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)

**“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

